

PM ingatkan jemaah menteri tidak langgar undang-undang pilihan raya

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan kepada semua anggota jemaah menteri supaya tidak melanggar peraturan dan undang-undang berkaitan pilihan raya sepanjang tempoh Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata peringatan itu disampaikan Perdana Menteri pada mesyuarat Kabinet semalam.

“Kita tidak membincangkan secara khusus perkara ini, tetapi Perdana Menteri ada memberi peringatan kepada semua ahli jemaah menteri.

“Perdana Menteri memberi peringatan supaya memastikan sewaktu tempoh PRK ini, tidak berlaku apa-apa pelanggaran undang-undang atau peraturan pilihan raya,” katanya pada sidang

media pasca mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Kelmarin, bekas Pengerusi Bersih, Thomas Fann menggesa supaya satu garis panduan diperkenalkan bagi parti dalam kerajaan berhubung pengumuman peruntukan menjelang pilihan raya.

Thomas Fann berkata, garis panduan itu perlu disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jemaah Menteri.

Ia susulan pengumuman Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming di Nibong Tebal, Pulau Pinang baru-baru ini mengenai peruntukan RM18 juta untuk pelbagai projek di Seberang Perai Selatan di bawah program Sentuhan Kasih.



Fahmi pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)